



Sikap terhadap Komputer di kalangan Pelajar ICT Tingkatan Empat

Norliza Ibrahim, Wong Su Luan & Ahmad Fauzi Mohd Ayub

*Jabatan Pendidikan Sains dan Teknikal, Fakulti Pengajian Pendidikan,
Universiti Putra Malaysia, 43400 UPM, Serdang Selangor*

norlizaibrahim82@gmail.com, wsuluan@gmail.com, ahmad_fauzim@hotmail.com

Abstrak

Kajian telah membuktikan bahawa sikap memainkan peranan penting kerana ia merupakan penentu kejayaan untuk mengintegrasikan komputer dalam persekitaran pendidikan. Salah satu matlamat kurikulum Information and Communication Technology (ICT) di peringkat sekolah adalah membentuk sikap positif pelajar terhadap impak dan sumbangan teknologi maklumat kepada masyarakat dan kehidupan seharian. Selari dengan matlamat tersebut, kajian ini dijalankan bertujuan mengenal pasti sikap pelajar yang mengikuti mata pelajaran ICT terhadap komputer. Sampel terdiri daripada 149 orang pelajar tingkatan empat daripada 12 buah sekolah menengah sekitar negeri Terengganu. Data dikumpulkan menggunakan borang selidik laporan sendiri yang diwakili oleh tiga dimensi sikap iaitu afektif, kognitif dan tingkah laku. Analisis statistik menunjukkan secara keseluruhannya, pelajar mempunyai sikap yang positif terhadap komputer ($M=120.74$, $SP=12.43$). Analisis ANOVA pula menunjukkan tiada perbezaan signifikan antara sikap terhadap komputer dengan jantina pelajar. Analisis juga menunjukkan tiada perbezaan signifikan antara sikap terhadap komputer dengan pemilikan komputer oleh pelajar. Berdasarkan dapatan kajian ini, beberapa cadangan dikemukakan untuk tujuan memperkukuhkan lagi sikap positif dan mengembangkan kemahiran berkomputer dalam kalangan pelajar.

Ibrahim, N., Luan, W.S. & Ayub, A.F.M. (2011). Sikap terhadap Komputer di kalangan Pelajar ICT Tingkatan Empat. Jurnal Teknologi Pendidikan Malaysia, 1(1), 15-29.
